

02/04/1997

Anugerah untuk rakyat Malaysia

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad malam semalam menyifatkan rakyat Malaysia mudah dipimpin serta menerima sebarang perubahan yang positif. Sebagai rakyat, kita menganggap pujian ini adalah penghargaan yang begitu tinggi untuk semua rakyat walau apa pun kedudukan dan fungsi mereka. Tanpa sokongan rakyat segala yang dirancang sukar mencapai matlamatnya. Daripada kaca mata rakyat, Dr Mahathir adalah sumber inspirasi yang mencetuskan pelbagai gagasan dan idea baru dan berani membuat perubahan walaupun ramai penganalisis menganggap ada kalanya beliau meletakkan masa depan negara bertarung dengan risiko besar. Dengan berkat keyakinan dan komitmen untuk memajukan negara, Malaysia bebas daripada segala masalah.

Di majlis sempena penerimaan Anugerah Raja Faisal dan Anugerah Jawaharlal Nehru di Kuala Lumpur itu, kita amat terharu apabila Dr Mahathir menyatakan anugerah antarabangsa yang diterimanya adalah pengiktirafan dunia kepada kemampuan pemimpin, penyokong kerajaan, pembangkang dan rakyat dalam membangunkan Malaysia. Agak menarik apabila Dr Mahathir turut memberi penghargaan kepada parti pembangkang yang disifatkannya sama-sama berkempen ketika pilihan raya dan mendakwa sesama sendiri tetapi tidak menyebabkan tercetusnya rusuhan atau kacau-bilau. Semua ini disebabkan kemajuan yang cuba dibawa ke negara ini dilakukan dengan ikhlas. Kemajuan dan kemakmuran negara adalah untuk semua rakyat sama ada mereka menyokong kerajaan atau parti pembangkang. Parti pembangkang dan pengikutnya hanyalah menjadi 'musuh' ketika pilihan raya. Apabila pemilihan sudah selesai dan rakyat membuat pilihan, kedudukan parti pembangkang dan pengikutnya adalah setaraf dengan semua rakyat lain. Di sesetengah negara, parti pembangkang adalah musuh sepanjang hayat. Pemimpin parti pembangkang ditekan hingga menyebabkan mereka takut untuk bersuara. Di Malaysia, kehangatan isu yang dibangkitkan oleh pembangkang sering kita dengar dari semasa ke semasa. Namun ia tidak sedikitpun memerlukan kerajaan bertindak mencemarkan prinsip demokrasi. Belum pernah berlaku pemimpin pembangkang diusir hanya disebabkan mereka bertentangan pendapat dengan pemerintah.

Kita juga perlu mengakui Malaysia yang mengamalkan dasar terbuka, tidak sunyi daripada pelbagai pertikaian dengan rakyat. Setakat ini belum ada satu pun masalah yang tidak dapat diselesaikan. Semuanya disebabkan kita memilih cara perundingan sebagai jalan menyelesaikan masalah. Dengan semangat berkompromi yang tebal dalam jiwa rakyat, kerajaan mampu menyelesaikan sebarang pertikaian dengan semangat 'sama-sama menang'. Rakyat sedar betapa mereka tidak boleh mendapat segala-galanya yang dihayati asalkan kerajaan ditadbir atas landasan yang mementingkan kepentingan rakyat.

Hari ini keyakinan rakyat terhadap kerajaan begitu tinggi. Semua ini berlaku kerana rakyat sedar apa saja program yang cuba diperkenalkan di negara ini mengambil kira kepentingan rakyat. Konsep penswastaan, umpamanya, walaupun mencetuskan pelbagai isu kontroversi pada peringkat awalnya, kini diterima sebagai satu elemen pembangunan fizikal dan ekonomi untuk rakyat.

Di mana-mana sekalipun, masalah dalam negara berpunca daripada masalah mengabaikan kebajikan rakyat dan faktor kemiskinan. Rakyat Malaysia hari ini bukan saja memperolehi setiap apa saja yang dihayati jika dibekalkan dengan usaha, malah mereka boleh membuat pilihan. Dalam pasaran pekerjaan,

umpamanya, rakyat sudah hilang minat bekerja dalam sektor pembinaan dan pertanian disebabkan peluang mereka di bidang lain begitu meluas. Kita bukan saja bebas daripada masalah pengangguran yang boleh mencetuskan perasaan tidak puas hati rakyat, sebaliknya terpaksa mengambil pekerja asing. Kita bukan saja menyelesaikan masalah dalam negara malah turut membantu negara lain yang menghadapi masalah pengangguran yang teruk. Dengan membenarkan mereka mencari rezeki di negara ini, kita turut memberi sumbangan kepada negara yang memerlukan. Dalam bidang pendidikan, memang sukar kita menemui anak yang terabai. Setiap rakyat diberi peluang belajar di sekolah kerajaan yang dibina di seluruh ceruk rantau negara ini. Paling penting, Malaysia tidak mempunyai musuh luaran. Kita berbaik-baik dengan semua negara kerana yakin keamanan adalah faktor utama kepada kemakmuran.

(END)